

**NO. SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR)**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9139**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setelah isu 1MDB menunjukkan tidak ada sebarang salah laku oleh YAB. Perdana Menteri, apakah tindakan yang akan diambil kepada mereka yang melakukan fitnah termasuk kumpulan deklarasi pembangkang ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius berhubung tindakan oleh mana-mana individu, kumpulan maupun pertubuhan yang bertindak mengeluarkan kenyataan berbaur fitnah. Dalam hal ini, undang-undang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Kanun Keseksaan boleh diambil kepada sesiapa sahaja yang mengeluarkan kenyataan berbaur fitnah.**

**Pada masa yang sama, kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan terus dipertingkatkan bagi membendung penularan bahan-bahan yang berunsur fitnah dan pemikiran negatif yang disebarluaskan melalui media sosial.**

**Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh masyarakat agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan sebarang aktiviti yang berbaur fitnah demi menjamin kesejahteraan negara. Tindakan sedemikian hanya akan memburukkan lagi keadaan dan mendedahkan diri kepada tindakan undang-undang.**